



## Kandungan

PPM Gala Dinner	1
Mesyuarat Agung PPM 2005	1
<b>Berita Semasa</b>	
Excerpt from DPM's speech during the 'Gala Dinner'	2
Biodata ringkas YDP PPM baru	2
Librarian of the Year Award 2005	3
Shahar Banun Jaafar - citation bergurindam	3

## Aktiviti PPM

Program Ceramah Iktisas Mantan-mantan Presiden PPM	4
PPM/LAS Commemorative Conference 2005	4
Conferment of Honorary Life Membership PPM	5
Library Excellence Awards	6
London Book Fair 9-16 Mac 2005	7

## Berita Bergambar

PPM/LAS Commemorative Conference 2005	8
Gala Dinner	8
Mesyuarat Agung PPM	9

## Aktiviti PPM

Ekspedisi PPM ke Taman Negara	11
Bengkel Pengkatalogan NLM	12
Library Consortia Workshop	12
Kalender Aktiviti PPM bulan Jun -Disember	13
Persidangan SLIB 2005	13
Kursus Pembantu Perpustakaan /Pusat Maklumat	13

<b>Maklumat Penaja</b>	
Proquest Information and Learning	

## Berita Semasa

Berita Perlantikan	15
Berita Persaraan	15
Obituary	15



*Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Tun Razak cutting the Pulut Kuning To officially Launch PPM's Anniversary Celebrations During the Gala Dinner*

The Gala Dinner was held on the 6<sup>th</sup> Presentation of PPM/Access Dunia of April at Mahkota Ballroom, Hotel Excellent Library Award and last Istana in conjunction with the official but not least special appearance by launch of PPM's 50<sup>th</sup> Anniversary Aishah.

## Mesyuarat Agung PPM 2005

Mesyuarat Agung tahunan PPM bagi tahun 2004/2005 telah diadakan pada hari sabtu, 9 April 2005 bermula jam 9.00 pagi di Hotel Istana, Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur. Seramai 147 orang ahli PPM telah hadir ke mesyuarat Agung tersebut. Perasmian Mesyuarat Agung telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Dato' Zawiyah Baba, Yang DiPertua, Persatuan Pustakawan Malaysia.

Pada majlis itu juga, telah diadakan penyampaian Pingat Emas PPM 2004 kepada Pelajar terbaik Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM, Pelajar Terbaik Kulliyyah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, UIA dan Pingat Emas Disertasi Terbaik, Fakulti Sains Dan Teknologi Maklumat, UM.

Selain itu, Mesyuarat Agung tahunan PPM ini telah mengumumkan dan kira-kira sepanjang tahun 2004 menyampaikan beberapa anugerah serta perbincangan cadangan dan kepada tokoh pustakawan. Pada tahun usul.



*Mesyuarat Agung bermula*

Pada mesyuarat agung tersebut telah diadakan pembentangan laporan aktiviti PPM 2004, penyata PPM ini telah mengumumkan dan kira-kira sepanjang tahun 2004 menyampaikan beberapa anugerah serta perbincangan cadangan dan kepada tokoh pustakawan. Pada tahun usul.

*lihat muka 16*

## Excerpt from DPM's speech during the 'Gala Dinner'

The need to reform and reposition education to bring it more closely to the needs of the economy becomes necessary if international competitiveness is to be maintained, the Honourable Deputy Prime Minister said in his speech at the PPM Gala Dinner.

This includes self-management, individual responsibility, interpersonal skills, how to teach and learn from others. Every society now needs individuals who seek to contribute to positive living experiences for themselves, their families, their communities and the nation. More and more people believe that they can make a difference by learning through reflecting upon everyday experience and by combining their lived experiences in formal and informal

learning situations. It now seems that institutionalised learning which stresses in the individual and learning for its own sake, incapable of being flexible, innovative and ready to overcome ingrained assumptions and attitudes to remove the barriers of fears constructed out of ignorance. There is now a need to promote learning on humanistic values that is respectful of cultural, social, economic and political differences.

The DPM went on to stress that human development is about access to means and resources to enable individuals through personal and collective actions to improve their lives and transform their societies which brings the need for the lifelong learning agenda.



The Rt. Hon. Deputy Prime Minister of Malaysia Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak.

On the Excellent Library Awards, he said that this is indeed a very good move as it will not only provide an incentive and motivation to improve but also a sense of healthy competitiveness among libraries. The winner will also provide a benchmark or model for other libraries in improving themselves.

## Biodata ringkas YDP PPM baru



Puan Putri Saniah Megat Abdul Rahman

Pada Mesyuarat Agung PPM bagi tahun 2004/2005 telah berlangsung pemilihan Ahli Majlis PPM yang baru. Pada pemilihan tersebut, Puan Putri Saniah Megat Abdul Rahman telah menang tanpa bertanding sebagai Yang Dipertua PPM bagi sesi 2005/2007 yang baru. Tahniah diucapkan kepada beliau.

Biodata ringkas beliau adalah seperti berikut:

### Kelayakan:

i. Masters in Librarianship, College of Librarianship, Aberystwyth

ii. Post Graduate Diploma in Library Science University of Strathclyde, Glasgow  
iii. Bachelor of Economic (Hons) University of Malaya

### Pengalaman:

#### 1. Perpustakaan UKM

- i) Ketua Pustakawan UKM : Ogos 2000 – kini
- ii) Timbalan Ketua Pustakawan : 1999 - 2000
- iii) Ketua Jabatan Pembangunan Sumber Maklumat : 1993 - 1999
- iv) Ketua Bahagian Katalog : 1978 - 1993
- iv) Ketua Bahagian Terbitan Bersiri, Hadiah & Pertukaran : 1976 - 1977
- v) Ketua Bahagian Dokumen 1975 - 1976

- vi) Ketua Bahagian Monograf 1973
- vii) Ketua Bahagian Pinjaman 1972

### Pengkhususan:

Penilaian dan pelaksanaan sistem DOBIS, VIRTUA dan Content Manager  
Penubuhan Galeri UKM  
Pengurusan Pangkalan Data  
Komersil secara konsortia  
Pengkatalogan nama-nama Melayu  
Pengkelasan Terbitan Kerajaan

#### 2. Projek Kerjasama

International Islamic Digital Library

#### 3. Persatuan Pustakawan Malaysia

Naib Presiden PPM  
CONSAL Executive Board  
CONSAL Council of Academic librarians

## Librarian of the Year Award 2005 'Cik Shahar Banun Jaafar'

At the AGM on 9 April 2005 held at Hotel Istana, Shahar Banun Jaafar was selected the Librarian of the Year. Shahar Banun is presently employed at the International Islamic University as Academic Fellow. Prior to that, she was the Director General of the National Library. She was the President of the Librarians Association of Malaysia (PPM) in 1997-99. She is also active in PERTIWI and has served as Secretary of the Islamic Women's Association. She is currently Secretary-General of the Malaysian Historical Society.

The criteria for selection is to look for a professional librarian who is in active service in a library or someone who is an active member of the library association in the country or involved in library associations at regional level. Members of CONSAL Executive Board are automatically disqualified. Besides considering their performance on the



Cik Shahar Banun Jaafar

job over the last two years, more weightage was given to candidates' activities in promoting librarianship outside their official capacity. The panel also examined their contribution in form of publications and presentations at national and international levels over the last three years.

As Librarian of the Year 2005, Shahar Banun received a trophy and

certificate of commendation, life membership of PPM, free attendance of PPM seminars for one year and a package to the next CONSAL. She will be nominated for the coveted CONSAL Librarian of the Year award to be announced at the next CONSAL Conference in Manila in March 2006.

Regrettably, there was no recipient for the Promising Librarian Award for this year, not so much we lack good librarians but it was because the candidates did not fulfill all the criteria. In particular, candidates should appreciate that the award is given by PPM and therefore should demonstrate close affiliation to the Association by at least continuously activating membership for the last 5 years. It is also hoped that nominations for both awards in the future will fulfill all the criteria. It is also hoped that more members would be nominated the next time.

### Shahar Banun Jaafar – citation bergurindam

Oleh Rosna Taib

Lahir di Muar, menetap di Gombak  
Cintakan ilmu, bidang diteroka.  
Kelulusan pustakawan sudahlah ada  
Library and information science pula  
ditimba.  
Tidak cukup rasanya, belajar pula  
komputer  
Kurang lagi katanya  
Ambil HRD dan Total Quality  
Senarai sijil panjang sedepa.

Tempat kerjaya Perpustakaan Negara  
Pada '71 hingga 2001  
Kata bos tekun dan gigih  
Bekerja lebih dari yang ditagih.  
Melangkah tingkat demi tingkat  
Tahap Ketua Pengarah tinggilah amat.  
Mempraktik pengurusan dan  
pentadbiran  
Sebagai contoh dan perhatian.  
Gurindam kanak-kanak, alam cyber ada  
beza  
Boleh diminati seolahnya sama.  
Alam digital dan hypermedia pula  
Itulah paling ia suka.  
Saran guna Web dan ICT seluasnya

Untuk kecapan kota dan desa  
Jelmaan Pusat Siber Desa.

Bersara terus berhijrah kapasiti  
Ke Universiti Islam pula ia pergi  
Bukan calang-calang oi ...  
Academic Fellow!  
Tugas kajian dan penyelidikan  
Mendidik librarians of tomorrow!  
Saran gunakan ICTkekalkan warisan  
Tanpa melupa kualiti dan ihsan.

Rajin belajar, rajin menulis  
Pendapat pengalaman terus diguris  
Mengenai subjek sangat berbeza  
Seolah tiada sempadannya.  
Mudah berbicara sistem yang ada  
PERDIM, PERDANA turut serta.  
Pengurusan pentadbiran ia berkongsi  
Memimpin yang muda supaya  
bestari.

Hasil penyelidikan disalurkan  
Dalam penulisan dan persembahan  
Di peringkat kebangsaan,  
antarabangsa  
Menjulang insitusi, profesion dan

Negara.  
E-Islamica penyelidikan Universiti  
Islamic Cultural Heritage geran IRPA  
menerajui.

Bukan kepustakawan sahaja  
minatnya  
Bidang sejarah diselami bersama  
Kenalkan bidang kepustakawan  
Kepada profesional lain dunianya.  
Boleh pula ia berjawatan  
Di badan sejarah, berani bersuara  
Merancang bangunan dan  
perpustakaan mereka.

Ia bertanding dapat merangkul  
Terus memimpin badan PPM yang  
unggul  
Turut memimpin dalam PERTIWI  
Juga Malaysian Historical Society.

Tidak hairanlah ...  
Kebolehan dan  
pencapaiannya  
diserlahi  
Pengiktirafan  
Kerajaan  
KMN telah diberi.



**Program Ceramah Ikhtisas  
oleh  
Mantan-Mantan Presiden PPM sempena Ulangtahun ke-50  
Penubuhan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM)**

**P**ersatuan Pustakawan Malaysia dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia telah menganjurkan beberapa siri ceramah ikhtisas kepada para pustakawan di sekitar Lembah Klang sempena Ulangtahun ke-50 penubuhan Persatuan Pustakawan Malaysia. Siri ceramah ini telah disampaikan oleh beberapa orang mantan presiden-presiden PPM yang pernah menaungi persatuan tersebut.

Siri ceramah ikhtisas ini diadakan buat julung kalinya bertujuan meningkatkan profesionalisme dan keupayaan pustakawan dalam kerjaya di samping memberi pendedahan kepada pustakawan-pustakawan akan kepentingan melibatkan diri dalam persatuan profesional. Siri ceramah ini diadakan dua bulan sekali di Bilik Syarahan, Aras 5, Perpustakaan Negara Malaysia.

Siri ceramah pertama telah diadakan pada 31 Januari 2005 di Bilik Syarahan, Aras 5, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Ceramah ini telah disampaikan oleh Y. Bhg. Datin Ragayah Dato' Hj. Mohd Eusoff dan tajuk ceramah yang disampaikan ialah '*Musing of Former Librarian*'. Di antara perkara-perkara yang dikupas dalam ceramah berkenaan adalah :

1. *Reason for choosing Librarianship*
2. *Validity of libraries in the modern world*
3. *Positive image of librarians*
4. *Development of Special Libraries and*
5. *Sharing experiences with young librarians*

Siri kedua ceramah ikhtisas ini telah diadakan pada 31 Mac 2005 di Bilik Syarahan, Aras 5, PNM. Siri ceramah kali ini telah disampaikan oleh Cik

Shahar Banun Jaafar, Academic Fellow Department of Library and Information Science, Kulliyah and Communication Technology, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Ceramah yang disampaikan bertajuk '*Developing Librarians as Human Capitals for National Development*'. Di antara topik yang dibicarakan pada sesi tersebut adalah :

1. *Definition of Human Capital*
2. *Human Capitals as assets to the organization & the Nation*
3. *Strategies for developing human capitals from employer's perspectives*
4. *Individual strategies as human capital*

Siri ketiga ceramah ini akan diadakan pada 27 Jun 2005. Penceramah jemputan untuk menyampaikan ceramah pada sesi tersebut ialah Puan Rohani Rustam. Tajuk yang akan disampaikan ialah *Penerbitan dan Kepustakawanan: menghasilkan dan mengurus bahan yang tidak diperlukan*.

**THE PPM-LAS COMMEMORATIVE CONFERENCE 2005: THE VISIBLE LIBRARIAN IN THE VIRTUAL WORLD**

**T**he PPM-LAS Commemorative Conference 2005 was held on 6-8 April 2005 at Hotel Istana, Kuala Lumpur Malaysia. The Conference specially organised by the Librarians Association of Malaysia to celebrate the joint 50th anniversary of the Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) and the Library Association of Singapore (LAS). The theme for the Conference is 'The Visible Librarian In The Virtual World'.

There were altogether 180 participants from various countries specifically Malaysia, Singapore, Korea and Vietnam. There were 18 speakers, 9 panelists and 7 chairpersons. The speakers were mainly from Malaysia and Singapore and but there was one each from India and South Africa.

There were 5 plenary sessions at which 16 papers were presented, 2 panel discussions and one dialogue



*PPM-LAS Commemorative Conference at Hotel Istana, Kuala Lumpur*

session. The topics discussed in the 5 plenary sessions were professional development for the digital world, the digital library, knowledge management and libraries, focussing on the user and usage, and empowering the librarian. The two panel discussions were on knowledge management and marketing services.

The last session was PPM-LAS dialogue: 'The way forward'

presented by Dato' Zawiyah Baba President Librarians Association Malaysia, Mr. Choy Fatt Cheong Immediate Past President Library Association of Singapore, Dr Muttaya Koganuramath President Indian Library Association and Mr Tommy Mathee, President LIASA, South Africa. Details of the Conference can be accessed at <http://lib.hukm.ukm.my/ppmlas2005>.

## Conferment of Honorary Life Membership PPM

The success of PPM in expediting development of libraries and librarianship has been facilitated through the strong support of eminent professionals in this country. To acknowledge the support and goodwill of champions and friends of the library community, The PPM Council identified five eminent personalities who in their different capacities made significant contributions to the development of libraries and library services in Malaysia. They have been conferred Honorary Life Members of PPM at Gala Dinner on 6 April 2005 in conjunction with the Official launch of PPM's 50th anniversary Celebration by The Rt. Hon. Deputy Prime Minister of Malaysia Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak.



**1. Y.Bhg Tan Sri Dato' Dr. Mohd Rashdan bin Haji Baba**  
*Chairman of the Advisory Board  
National Library of Malaysia*

In his capacity as the Chairman to the Advisory Board, Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd Rashdan bin Haji Baba has attracted interest among the public to the development of the National Library of Malaysia while establishing his name in leading gigantic companies including Telekom Malaysia. He also played a key role in championing the development of rural libraries through contributions by the private sector. His association with libraries goes as far back as the mid-1960's and was directly involved in the planning of the universities including the libraries of the Universiti Kebangsaan Malaysia and Universiti Pertanian Malaysia.



**2. Y. Bhg. Datuk Dr Halim bin Shafie**  
*Secretary General  
Ministry of Energy, Water and Communications Malaysia*

Y. Bhg Datuk Dr. Halim bin Shafie, in his capacity as the Secretary General of the Ministry of Energy, Water and Communications, has been instrumental in connecting rural libraries throughout the country through the Universal Services Provision (USP) Project. Under the USP Project, each rural library is equipped with two units of computers, a printer, a scanner, a fixed telephone line and a very small aperture terminal or VSAT. With USP, rural libraries in Malaysia are provided with internet Access.



**3. Y.M. Tengku Datuk Dr. Mohd Azzman Shariffadeen Tengku Ibrahim**  
*President / Chief Executive Officer MIMOS Berhad*

Y. Bhg Dato' Tengku Azzman Shariffadeen is no stranger to the library and information technology community. To the library community, MIMOS is not only the reference source and driver to the development of infrastructure through JARINGAN ILMU but also for local content development through the Demonstrator Application Grant Scheme (DAGS)' of which it is the Secretariat. JARINGAN ILMU networked all major libraries in the country with a view to promote sharing of resources, whilst DAGS provides financial support to libraries and the other bodies in enriching local contents.



**4. Professor Dato' Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid**  
*Professor of Management, Leadership and Policy Studies and Founding Dean, Faculty of Humanities and Social Science UNITAR*

Professor Dato' Dr. Ibrahim is currently very much involved in knowledge management, particularly the Management of Academic, Scientific and Vocational Knowledge in the context of the challenges of globalisation and the knowledge economy. He believes that in order such a society, libraries and librarians have very significant roles as "ulama" as "teacher", as "researcher partner" and as "civilisation builder". Professor Ibrahim believes that community libraries should be built and be accessible to communities, families and citizens throughout the nation. Professor Ibrahim being a regular columnist in the NST with a weekly column every Sunday entitled *AS I Wonder*.



**5. Professor Dato' Dr. Shamsul Amri Baharuddin**  
*Director, Institute of Malay World and Civilisation (ATMA) and Institute of Occidental Studies (IKON) UKM*

Professor Shamrul Amri is a renowned anthropologist and sociologist. He has been the Dean, Faculty of Social Sciences and Humanities, UKM. Professor Shamsul is a champion of the creation of the Malay World Studies portal which was developed under DAGS. As Director of ATMA, he is instrumental in organizing the International Colloquium on Libraries and the Construction of Knowledge about the Malay World on 2-3 August 2004. Prof. Shamsul has always been a strong supporter of libraries and involves the University library in all its activities.

## Library Excellence Awards

### BACKGROUND

The idea of an Excellence Award for libraries was first mooted at the Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) AGM in 2002. A Concept Paper was put up by PPM Council to the 2003 AGM. This resulted in further suggestions that were incorporated in the first announcement in Berita PPM of September/October 2003. At AGM 2004, the President announced that the inaugural award would be made in 2005, in conjunction with PPM's Golden Jubilee.

### Official Name of the Award

The award is conferred on two categories of libraries. Officially the award is known as:

- Anugerah Perpustakaan Cemerlang Persatuan Pustakawan Malaysia (Kategori Perpustakaan Kecil). *PPM Library Excellence Award (Small Library Category)*
- Anugerah Perpustakaan Cemerlang Persatuan Pustakawan Malaysia (Kategori Perpustakaan Sederhana/Besar). *PPM Library Excellence Award (Big/Medium Size Library)*

The Sponsor's name may be added ("Persatuan Pustakawan Malaysia/Sponsor") when at least cash sponsorship is given for all categories of the awards for three consecutive award-years.

### Promotional Activities the Focus of the Award

PPM has decided that this Award would focus on excellence in user education and library promotion of available resources and services. The award would:

- Give recognition to libraries that already have in place excellent user education and clientele communication programmes and activities
- Give recognition to libraries that are exemplary and can be considered to be role models in providing and sustaining user education and clientele communication and satisfaction
- Value libraries that have successfully

promoted librarianship and information to the public at large.

### Library Participation

Participation was open to all Malaysian libraries both in the public and private sector. Conditions for a library's participation include the following:

- At least one of its staff must be professionally qualified.
- It must be a Library Member of PPM in good standing, or at least one of its staff must be a PPM member in good standing.
- The Chief Librarian/Representative may be called for interviews, if considered necessary.
- Library visits and presentations shall be entertained, if considered necessary.
- Additional information shall be furnished should this be required.
- PPM Council shall decide on the format of publicising decisions by Assessment Panels.

### PPM/ACCESS DUNIA LIBRARY EXCELLENCE INAUGURAL AWARD, 2005

Berita PPM January/February 2004 publicised details of this inaugural award. PPM also sent out over 50 letters inviting libraries to participate. By final closing date (1 March 2005), twenty-six (26) entries were received. Names of participating libraries are listed in Appendix I.

### Library Categories

PPM Council had decided that for this inaugural effort, competing libraries shall be separated into two categories, "Small Libraries" and "Medium/Big Libraries". Initially, a "Small Library" was defined as a library having a total of up to 5 staff; and a "Medium/Big Library" was defined as one with a total of 6 staff or more.

Of the 26 submissions received, there

were 4 libraries in the "Small" Category, and 22 were in the Medium/Big Category.

### Funding the 2005 Awards

Access Dunia Sdn. Bhd. made available a generous sum of RM10,000 to fund the publicised award of RM5,000 for the library winners in both the library categories. They have also confirmed their future donations of at least a similar sum to fund cash awards in 2007 and 2009.

### Documentation: Main Criterion for Shortlisting Finalists

The Committee based their decisions mainly on the documentation submitted by libraries themselves. Libraries that submitted documentation that were able to provide evidence of substantial promotional activities relating to resources and services in their libraries were shortlisted as Finalists, and were subjected to a Final Assessment. In addition, Finalists had indicated creativity and innovation in their library promotion activities/programmes.

Four Final Candidates Shortlisted  
The Shortlisting Committee met for this purpose. Based on the Document Review, the following four libraries were shortlisted:

#### Category I (Medium/Big libraries):

- Knowledge Management Centre, Bank Negara Malaysia
- Perpustakaan Sultanah Zanariah, Universiti Teknologi Malaysia
- Pustaka Negeri Sarawak, Kuching.

#### Category I (Small libraries):

- English Language Training Centre (ELTC) Resource Centre

### Library Visits

Library visits were made to all four finalist-libraries by the Panel members. Library tours and on-site observations were also made, library presentations,

cont. page 10

## London Book Fair 9-16 Mac 2005

**Day 1:** It is the 9<sup>th</sup> of March. We left KLIA at 9.40pm on flight MH008 and arrived at Heathrow London on the same date at 3pm London time. Boarded a tour coach which took us to Holiday Villa Hotel, Bayswater where we stayed throughout the 7 days. Temperature was 8 degrees celcius and for some who were first timers in London that was extremely cold!! There were 28 people altogether comprising Librarians, University lecturers and Book suppliers.

**Day 2:** On 10<sup>th</sup> March we left London by coach at 8.30am for Coventry. We were accompanied by a tourist guide. We arrived at Coventry University Library at 10.45am and were met by the chief librarian, Mr.Pat Noone. After the welcome coffee and biscuits we were given a presentation by the chief librarian. The Lanchester Library building was ready in the year 2000 and the cost of the buiding was about 20 million pound sterlign. The library building received many awards for its architectural design. The chimney-like shaped provided natural ventilation for the whole library. The library building is very environmental friendly because no air condition is needed during summer and it utilized a lot of natural light. We were divided into 4 groups and taken on tour of the 5 storey library which took about half an hour. By 12 noon we headed for lunch at Hussain's Halal Restaurant in Stratford Upon Avon. After lunch we had an hour's tour of Shakespeare's birth place as well as souvenir shopping for many of them. Of course there were non stop flashing of the cameras which resulted in two of them being late to board the coach. Finally, at 2.30 we left Stratford upon Avon for Warwick castle. According to the tourist guide Warwick castle



*In front of Tower Bridge,  
London*

has been voted the number one castle in United Kingdom. The tour brought back history during the time of Duke of Warwick and his charming wife Daisy. The view from the top of the castle was magnificant and breathtaking!! We left Warwick castle at 4.30 for London and were taken for dinner at Indonesian Nusa Dua restaurant. After a long day of tours which we enjoyed very much everybody were tired and looked forward to retire early to be ready for another exciting day.

**Day 3:** On 11 March it was the half day London City tour which was eagerly waited by the new comers to London. We were taken to see the Tower of London, The Westminster Abbey with the magestic Big Ben as the backdrop for photo session and finally the much awaited changing of the Guards at Buckingham Palace. It was a cold and windy day but everybody waited patiently at strategic places for the ceremony. The sight of the guards on horses in their beautiful grizzly bear hat was worth waiting for. We dropped the men for Friday prayers at 12pm and then they met us at The British Library,

St.Pancras at 2.30pm for a guided tour.

**Day 4:** It is saturday and it is 12<sup>th</sup> of March. We took the underground for the London Eye which was inclusive in the package. It was a beautiful morning as the sun was shining ever so brightly. It was like a warm welcome for us after 3 gloomy and chilly English weather. The London eye is always on the move and it move ever so slowly so one only need to hop in as the glass eye approached the platform. The experience going into the London Eye was an unforgetable experience. The view from the top was magnificant. You could take a beautiful picture of the Big Ben from up there. The afternoon was free and easy and of course it is shopping time. Some went to Oxford Street while some went to Picaddily Circus where a shop called LilyWhites opposite the Trafalga Square specializes in sports attire. You can get football and rugby jerseys at very cheap prices here. You can choose whether you want Chelsea, Man United, Arsenal or the England football jersey to bring home for your loved ones

**Day 5:** It is the 13<sup>th</sup> March and the start of the London Book Fair. Everybody was excited and looked forward to start the tiring process of book selection from one booth to another at Olympia. Weary and tired everybody was glad dinner that night was provided courtesy of Yuha Associates.

**Day 6:** It is 14<sup>th</sup> March and the second day of London Book Fair. More selection, more catalogues and freebies collected. Caution to all of them not to have excess baggage. In the evening a steam boat dinner at the hotel hosted by Bistari Media was very much welcomed by all of us.

*cont. page 16*

**Berita Bergambar**  
**PPM-LAS Commemorative Conference, 6-8 April 2005, Hotel Istana, Kuala Lumpur & 'Gala Dinner'**



*Dr. Muttayya Koganuramath President LIASA  
Tommy Mathee President ILA*



*Sylvia Yap  
President LAS*



Mesyuarat Agung PPM 2005, 9 April 2005, Hotel Istana, Kuala Lumpur



## Library Excellence Awards

from page 6

interviews with library staff were held. This was followed by a meeting of Panel members to make the final awards. Long, exhaustive discussions covered all aspects of each library's candidacy before final decisions were taken.

### Criteria for 2005 Award: Focus on Promotional Activities of the Library

Awards were based on written and published documentation as well as observations made during site visits.

- Increased use. Promotional activities that have led to greater/extensive/more in-depth use of library resources and services (collections, databases, staff expertise, etc.) by an increased clientele (Target and peripheral; differentiated clientele, etc.).
- Creativity: Shown in designing and implementing promotional/marketing activities, in addition to traditional publicity methods (listings, brochures etc).

Based on all findings, this Panel of Assessors unanimously recommended to PPM/Access Dunia that the following awards be made.

### Awards in the Medium/Big Library Category, 2005

Winning Library: *Perpustakaan Sultanah Zanariah, Universiti Teknologi Malaysia*  
A mature, well-established library, for overall excellence in promotional activities that are backed by a full range of professional services offered by well-trained professional as well as support staff, and with very good physical and ICT resources. The quality of PSZ has been recognised by their having received a number of awards.

Award: Challenge Trophy and accompanying Trophy, Certificate, and RM5,000,

### Two Special Mention Awards, 2005

The Panel was very impressed with the other two finalists, one of which, Pustaka Negeri Sarawak, was a very close finalist to PSZ. The Panel recommends that for this year, two Special Mention Awards be made, in view of special circumstances. Such awards



Vice Chancellor of UTM received Library Excellence Award  
from Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak

need not be made in the future, should circumstance do not warrant them.

### Special Mention Award (Excellence & Creativity in Promotional Activities):

#### *Pustaka Negeri Sarawak*

The very young Pustaka (launched in 2000) is set in over 70 acres of a beautifully landscaped location. Pustaka's promotional activities are excellent and are extremely creative, implemented by a team of young, well-trained and enthusiastic staff, who are backed by a good collection and range of library services. However, the full effect of their promotional activities has yet to be fully assessed or officially recognized.

Award: RM2,000 and Certificate.

### Special Mention Award (Transformation of library)

#### *Knowledge Management Centre (KMC), Bank Negara Malaysia*

The Panel was very impressed with the manner in which the Knowledge Management Centre (KMC) of Bank Negara Malaysia had transformed itself in recent years (since 2003) into a dynamic knowledge centre that is integrated with the Knowledge Management philosophy and requirements of Bank Negara Malaysia. However, their collection management still needs to be improved, and the effects of their promotional activities have yet to be fully assessed.

Award: RM2,000 and Certificate.

### Awards in the Small Library Category, 2005 :

The Panel was of the opinion that no library could be considered to be exemplary from the focus of promotional activity for a range of resources such as collections, electronic databases, professional staff, range of high-end library services and excellent library environment. The Panel recommended that for this year, no Winning Award be made.

### Special Mention Award (Resourcefulness):

#### *English Language Teaching Centre (ELTC) Resource Centre*

However, the Panel was most impressed with the high degree of resourcefulness that is shown by the English Language Teaching Centre (ELTC) Resource Centre. The Library is very new (since 2003). It has only one professional staff and a very small number of support staff. It is located in a somewhat cramped area, and has limited funding. Nevertheless, it has a good lending philosophy. It can count on enthusiastic academic affiliations with ICT skills to mount a range of library services. Its collection, though small, is sound. All activities are promoted to target teaching and learning clientele. The Panel recommended that a Special Mention Award for Resourcefulness be made to the ELTC Resource Centre.

Award: RM1,000 and Certificate.

## Ekspedisi PPM ke Taman Negara



setelah berjaya menerokai

Gua Mulu di Sarawak kira-kira dua tahun lalu, baru-baru ini ahli-ahli PPM telah mengadakan ekspedisi ke Taman Negara di Kuala Tahan pula. Kumpulan sepuluh orang ahli-ahli yang diketuai oleh Mantan Yang Dipertua PPM YBhg Dato Zawiyah Baba itu telah berada di Taman Negara selama dua malam pada 21-23 Mei yang lalu.

Ekspedisi ini unik sedikit memandangkan peserta telah memilih untuk memandu terus ke Kuala Tahan. Ia bermula dari padang letak kereta Perpustakaan Negara Malaysia kira-kira jam 9.00 pagi. Peserta telah singgah sebentar di perkarangan Masjid Jerantut untuk menikmati sarapan pagi yang telah dibawa bersama. Perjalanan diteruskan menuju ke Kuala Tahan melalui jalan-jalan kecil berliku di kawasan Felda. Perjalanan yang agak mencabar itu telah mengambil masa lebih dari satu jam. Peserta telah selamat sampai di Kuala Tahan pada kira-kira jam 1.30 petang.

Acara pertama yang dilakukan adalah untuk melawat Kelah Sanctuary dan Lata Berkoh. Ia dimulakan pada kira-kira jam 3.00 petang pada hari yang sama. Aktiviti yang mengambil masa kira-kira tiga jam itu telah membawa peserta menaiki bot-bot kecil yang hanya boleh dimuatkan oleh empat orang meredah arus deras untuk ke destinasi. Kebetulan pula hujan lebat telah turun pada awal pagi hari itu. Air sungai begitu dalam dengan arus yang deras.

Pada sebelah malamnya pula selepas makan malam, peserta telah dibawa untuk *Jungle Walk* di kaki Bukit Teresek dan seterusnya ke *saltlick* untuk mencuba nasib mengintai haiwan liar yang mungkin keluar pada waktu malam. Walau bagaimanapun



*Peserta tersenyum gembira setelah berjaya menamatkan ‘canopy walk’ yang terpanjang di dunia!*

dengan bilangan pelancong yang beribu orang pada musim cuti panjang itu, tidak mungkin haiwan-haiwan liar itu berada di persekitaran, apa lagi untuk menonjolkan diri. Yang kelihatan hanyalah cicak dan serangan-serangan kecil sebagai pengganti.....

Pada kesokan harinya peserta telah dibawa untuk meniti *Canopy Walk* yang merupakan yang terpanjang di dunia. Aktiviti ini merupakan satu aktiviti wajib jika untuk sesiapa yang ke Taman Negara. Melalui jambatan gantung dari satu pokok ke satu pokok yang lain dengan ketinggian kira-kira 50 meter dari tanah adalah bukan suatu yang mudah. Apa yang kelihatan hanya pucuk-pucuk pokok yang nun sayup di bawah. Semua peserta berjaya melalui ujian ini, meskipun ada seseorang peserta yang hampir-hampir menarik diri. Mendaki Bukit Teresek terpaksa dibatalkan memandangkan peserta-peserta sudah kepenatan.

Pada petangnya pula, peserta telah dibawa untuk aktiviti *Rapids Shooting*. Semua peserta telah dibawa menaiki sampan menongkah arus deras Sungai Trenggan. Sebanyak tujuh jeram telah dilalui. Rata-rata peserta merasakan

masa yang diberikan adalah terlalu singkat dan tidak puas. Dalam perjalanan pulang peserta telah dibawa singgah di sebuah perkampungan suku kaum Batek. Betapa mudahnya kehidupan suku ini, tidak materialistik dan sekadar memerlukan perkara yang atas sahaja, mereka juga telah membuat beberapa demonstrasi mengenai aktiviti-aktiviti harian mereka. Sungguh mengagumkan bagaimana mereka boleh menghidupkan api dengan mudah hanya dengan menggunakan sebilah rotan dan sepotong kayu.

Pada sebelah malamnya majlis BBQ pula telah diadakan. Makanan yang disediakan oleh pihak hotel agak begitu *lavish* seolah-olah untuk 50 orang tetamu. Mungkin kerana terlalu penat, sedikit saja makanan yang dapat dijamah.

Majlis diakhiri dengan sesi karaoke sehingga jam 11.00 malam. Sesuai dengan purata usia peserta ekspedisi, hanya lagu-lagu Inggeris *evergreen* 60an dan 70an saja yang kedengaran.

Peserta telah berlepas pulang pada kesokan harinya kira-kira jam 11.00 pagi.

## Bengkel Pengkatalogan National Library of Medicine (NLM)

Buat julung kalinya, Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) telah mengajurkan Bengkel Pengkatalogan National Library of Medicine pada 3 Mei 2005 hingga 4 Mei 2005 bertempat di Institut Pengurusan Kesihatan, Bangsar, Kuala Lumpur. Bengkel ini telah dianjurkan bersama oleh Kumpulan Pustakawan Perubatan (PPM) dan Institut Pengurusan Kesihatan dengan kerjasama Access Dunia Sdn Bhd. Seramai 27 peserta yang terdiri daripada Pustakawan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Universiti tempatan telah mengikuti bengkel ini.

Bengkel ini diadakan bertujuan memberi latihan dan pendedahan serta meningkatkan kepakaran Pustakawan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Universiti dalam mendokumenkan bahan perpustakaan perubatan dengan menggunakan Medical Subject Headings (MESH) dan National Library of Medicine Classification (NLM). Ia juga untuk melatih fasilitator di kalangan Pustakawan

Perubatan (Training of Trainers). Disamping itu, pustakawan perubatan juga dapat mewujudkan dan memperbaiki keseragaman bahan Perpustakaan Perubatan di tempat masing-masing.

Fasilitator bengkel ini merupakan seorang pakar pengkatalogan yang diterangkan khas dari Australia iaitu Puan Lamis Sukkar, iaitu Pengurus Perkhidmatan Pengkatalogan, CAVAL, Australia. Selama dua hari bengkel ini diadakan, beliau telah memberikan pendedahan berkaitan Pengkatalogan bahan perubatan menggunakan MESH, seperti ciri-ciri MESH, pengenalan MARC

format, MESH vocabulary, tree structure, subheadings, masalah-masalah dihadapi dalam penggunaan MESH, penggunaan MESH untuk pengkatalogan dan MESH browser dalam web seperti NLM gateway, dan locatorplus.

Secara keseluruhannya, peserta berpuas hati dengan bengkel ini kerana dapat mempelajari kaedah pengkatalogan menggunakan MESH dan NLM dengan lebih mendalam untuk diperaktikkan di perpustakaan masing-masing. Mereka juga berharap agar bengkel seumpamanya dapat diadakan lagi pada masa-masa yang akan datang.



**Peserta Bengkel Pengkatalogan NLM**

## The How and Whys of Library Consortia Workshop

The How and Whys of Library Consortia Workshop was held on 18 May 2005 at National Library of Malaysia, Kuala Lumpur. The workshop organised by Persatuan Pustakawan Malaysia. There were 39 participants that joint the workshop from various institutions in Malaysia.

This workshop explores the various library consortia models, the benefits of library cooperation and the reasons why cooperation is becoming critical to the delivery of information products and services.

The facilitator for the workshop is Sue Henczel. Sue is Convenor of the Special Libraries Association (SLA's International Information Exchange Caucus and President of the newly formed Australia and New Zealand Chapter of SLA). She is regarded internationally as an expert in information and knowledge management, auditing and training. She is in high demand as a workshop developer and presenter and for the writings on knowledge management, information auditing, competencies, benchmarking,

project management and sales and marketing for information professionals.

After completion of the workshop, the participants have an understanding of the varying models for the library cooperative organizations, an understanding of the characteristics, strengths and weaknesses of the models, awareness of the types of products and services offered by consortia and an understanding of the benefits and opportunities available through cooperation

## Aktiviti PPM

### Kalendar Aktiviti PPM dari bulan Jun hingga Disember

#### **Jun 2005**

Ceramah Ikhtisas Mantan Presiden PPM  
*PNM, KL*

#### **6-8 Julai 2005**

Knowledge Conference 2005 : making  
libraries relevant  
*Pustaka Negeri Sarawak*

#### **25 Julai 2005**

Sesi Dialog Bersama Kontraktor/  
Pembekal Buku  
*PNM, KL*

#### **27-30 Julai 2005**

Bengkel Kemahiran Maklumat PPM/  
UMS  
*UMS Sabah*

#### **12-21 Ogos 2005**

Pakej PPM ke Persidangan IFLA  
*Oslo Norway*

#### **Ogos 2005**

Hari Keluarga PPM

#### **Ogos/September 2005**

Kursus Pengkatalogan Sumber  
Elektronik  
*USM, Penang*

#### **5-10 September 2005**

Kursus Asas untuk Pembantu  
Perpustakaan /Pusat Maklumat  
(Lanjutan)  
*Maktab Kerjasama Malaysia,  
Petaling Jaya*

### Persidangan SLIB 2005



*Paluan gong menandakan perasmian SLIB2005*

PETRONAS dengan kerjasama PPM telah menganjurkan persidangan SLIB 2005 dengan tema “Positioning Information Services Towards Organisational Excellence” mulai 15 hingga 17 Mei lepas bertempat di Hotel Nikko, Kuala Lumpur.

Persidangan ini merupakan yang julung-julung kali diadakan di negara dan bakal dianjurkan setiap dua tahun sekali. Ucaptama dan acara perasmian telah disampaikan dan disempurnakan oleh Dr. Rosti Saruwono, Naib Presiden Kumpulan Pendidikan Petronas.

Sebanyak 7 sesi pembentangan telah berlangsung dengan setiap satunya dibahagikan kepada beberapa topik penting. Topik pembentangan adalah “Strategic planning and performance management”, “Information management and the new paradigm”, “Special Libraries and content management”, “Promoting and marketing special library”, “Resource sharing and cooperative ventures among special libraries” dan “Special libraries in learning organizations: case studies”.

Pembentang adalah pakar dari dalam dan luar negara yang terdiri daripada ahli akademik, pengurus kanan korporat, penyelidik dan pustakawan. Antara penyumbang kertas kerja adalah Dr. Nik Abdullah Hj. Awang (Petronas), Profesor Dr. Szarina Abdullah dan Dato Profesor Dr. Haji Raja Abdullah Yaacob (UiTM). Pembentang dari luar negara pula antara lain terdiri daripada Phyllis Wee Guek Suan dari NLB, Singapura, Leuvelyn A. Cache (Ateneo de Manila University Rizal Library) dan Sue Henczel (CAVAL Collaborative

Solutions, Melbourne Australia).

Persidangan disertai oleh para pustakawan, ahli akademik dan profesional dari pelbagai bidang dan latarbelakang. Persidangan turut disertai oleh peserta luar negara seperti daripada Thailand, Indonesia, Brunei dan Singapura. Pameran produk dan perkhidmatan oleh pihak penerbit dan pembekal turut diadakan sepanjang persidangan berlangsung. Para peserta turut berkesempatan dibawa melawat ke Menara Petronas KLCC pada hari terakhir persidangan. Maklumat persidangan juga boleh didapati di alamat <http://www.slip-petronas.com>.

### Kursus Pembantu Perpustakaan/Pusat Maklumat di ESSET KWSP, Bangi.

Persatuan Pustakawan Malaysia telah menganjurkan Kursus Pembantu Perpustakaan / Pusat Maklumat pada 9-14 Mei 2005 bertempat di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (ESSET) di Bangi Selangor Darul Ehsan.

Seramai 27 orang pembantu perpustakaan /pusat maklumat dari serata Malaysia termasuk dari Sabah telah menyertai kursus ini. Fasilitator kursus ini adalah dari kalangan Pustakawan dan Profesional Maklumat dari IPTA dan PNM.

Tujuan kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan asas yang formal kepada pembantu perpustakaan/kerani di dalam pengendalian perpustakaan dan pusat maklumat. Disamping itu, ia juga dapat melengkapkan pembantu perpustakaan/kerani dengan pengetahuan yang boleh membantu mereka menjalankan kerja-kerja perpustakaan/pusat maklumat dengan lebih berkesan dan melahirkan pembantu perpustakaan/kerani yang berkeyakinan, berpengetahuan dan berdedikasi.

# Serials Solutions

The most comprehensive e-journal access solutions



A powerful federated search engine, that permits Patrons to search disparate digital resources from a single, easy to use interface."



Full MARC record as implemented by Columbia University



E-journal Portal as implemented by the Stanford Graduate School of Business



Providing e-journal management and access solutions for academic, public, government and corporate libraries around the world



Article Linker results page as implemented by Northeastern State University



AO 03/03 100 E

For further information, please visit  
[www.proquest.com](http://www.proquest.com)

**SerialsSolutions**  
Get what you're paying for

Proquest Information and Learning, 8909 (B) Jalan Damansara 1, 9 Jalan 16/11, Jalan Damansara, 46350 Petaling Jaya, Malaysia.  
Tel: +603 7954 2880 Fax: +603 7958 3446, Email: [sales@asia.proquest.com](mailto:sales@asia.proquest.com)

Serials Solutions is a ProQuest Information and Learning Company

## Berita Perlantikan



Tahniah diucapkan kepada Dr. Hj. Wan Ali Wan Mamat atas perlantikan beliau sebagai Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bermula 1 April 2005

Tahniah diucapkan kepada Puan Kamariah Nor Mohd Desa atas perlantikan beliau sebagai Ketua Pustakawan Perpustakaan Sultanah Zanariah Universiti Teknologi Malaysia bermula 21 Mac 2005.

## Berita Persaraan



**YBhg. Dato' Zawiyah Baba**

Selamat Bersara kepada Y. Bhg. Dato' Zawiyah Baba. Dato' Zawiyah memulakan kerjaya sebagai Pembantu Bahasa Di Dewan Bahasa dan Pustaka dalam projek kamus Dwi-Bahasa Inggeris Melayu. Setelah mendapat kelulusan Post Graduate Diploma in Librarianship beliau memulakan kerjaya di Kementerian Penerangan Malaysia pada tahun 1973 sebagai Pustakawan dan seterusnya di Perpustakaan Negara Malaysia mulai 1980 hingga 2005. Dalam tempoh perkhidmatan beliau di Perpustakaan Negara beliau telah mengetuai Bahagian Rujukan, Bahagian Latihan, Bahagian Pembangunan dan Bahagian Penyerahan Akta serta memegang jawatan Pengarah Perkhidmatan Perpustakaan, Pengarah Perkhidmatan Sokongan, Timbalan Ketua Pengarah dan sebagai Ketua Pengarah dari 1 Disember 2001 hingga 19 Januari 2005.



**Cik Hajjah Kalsom Shariff**

Selamat Bersara kepada Cik Hajjah Kalsom Shariff. Beliau telah bersara sebagai Timbalan Ketua Pustakawan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) mulai 15 April 2005. Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pustakawan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa pada November 2000 sehingga beliau bersara pada 15 April 2005.

## Obituary

### Al-fatihah

**Q** Seluruh warga PPM merakamkan takziah kepada warga Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) atas pulangnya ke Rahmatullah, Pengarah PPANS, Haji Abd. Rahman b. Sulaiman pada 15 Februari 2005. Allayarham telah memulakan tugas di PPANS pada 1988 dan telah dilantik menjadi Pengarah PPANS pada tahun 1990. PPM juga merakamkan takziah kepada keluarga Allayarham dan semoga roh Allayarham dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan orang yang soleh.

## Aktiviti PPM

from page 7



*In front of Lanchester Library University of Coventry, UK*

**Day 7:** 15<sup>th</sup> March. The last day of Book Fair and another tiring and long day. In the evening we were treated to another dinner at Khan Restaurant which is a walking distance from our hotel. This dinner is hosted by Nijuyon and Far Read Resources. We had the best Bryani rice ever tasted!!! The library suppliers were so kind to have arranged such wonderful dinners for all of us. It certainly was very generous



*Inside Lanchester Library University of Coventry, UK*

dari muka 1

Pada tahun ini juga telah diadakan pilihanraya ahli Majlis PPM bagi sesi 2005/2007. Pilihanraya ini adalah bagi memilih ahli majlis PPM yang baru

setelah ahli Majlis PPM sesi 2003/2005 tamat tempoh pada tahun ini.

Barisan Ahli Majlis PPM bagi sesi 2005/2007 seperti di halaman ini .

### Tiada Pemenang Dalam Pertandingan Mencipta Logo PPM

Bersempena dengan sambutan Jubli Emas PPM, Majlis PPM telah bersetuju untuk mengadakan pertandingan mencipta logo untuk mengantikan logo PPM yang sedia ada. Ini dirasakan perlu kerana logo PPM yang sedia ada rata-rata dirasakan agak “out-dated” dan tidak dapat mencerminkan aktiviti dan peranan PPM masakini. Saranan yang serupa telah juga diterima dari ahli-ahli semasa AGM sebelum ini

Pekeliling mengenai garispanduan telah dihantar kepada ahli-ahli melalui listserv PPM. Sebanyak 27 penyertaan telah diterima. Walau bagaimanapun panel penilai yang terdiri daripada mereka yang pakar dibidang grafik merasakan kesemua

penyertaan yang diterima adalah tidak sesuai untuk diterima-pakai sebagai logo PPM yang baru.

Walau bagimanapun terdapat beberapa ciptaan yang berpotensi untuk digunakan tetapi beberapa perubahan patut dibuat.

Majlis PPM yang bermesyuarat selepas AGM yang lalu telah bersetuju supaya logo yang sedia ada itu dipakai untuk sementara waktu. Keputusan selanjutnya akan dibuat selepas ini.

Semua peserta dalam pertandingan ini akan diberikan sijil penyertaan.

of them and we thank them from the bottom of our hearts. Terima kasih daun keladi, lain kali nasi bryani lagi!!

**Day 8:** 16<sup>th</sup> March, the last day in London. Last minute shopping and tour of the famous sights in London such as shopping at Oxford street and at Harrods, Knightsbridge. Then to Convent Gardens for some of us before we left for Heathrow at 6pm ready for a flight home. Did we have a great time in London? Oh it is a definite YEAH!!!

## PPM Council Members 2005-2007

### President

Putri Saniah Megat Abdul Rahman

### Vice President 1

Mohd Sharif Mohd Saad

### Vice President II

Siti Zakiah Aman

### Immediate Past President

Dato' Zawiyah Baba

### Honorary Secretary

Maimunah Kadir

### Honorary Assistant Secretary

Azlan Mohamad Hamzah

### Honorary Treasurer

Chin Loy Jyoong

### Council Members

Che Norma Bahri

Hasbullah Atan

Hasnita Ibrahim

Nafisah Ahmad

Nor Edzan Che Nasir

Norma Mohd Darus

Raslin Abu Bakar

## Sidang Pengarang Berita PPM

### Ketua Pengarang

Maimunah Kadir

### Sidang Pengarang

Azmah Ishak

Azlan Mohamad Hamzah

Hasbullah Atan

Hazmir Hj Zainal

Norbaizura Hj Malek

### Grafik/Layout

Rusiah Husin